

## MENGEMBALIKAN SEGALANYA KEPADA ALLAH

Semasa menempuh satu satu ujian, hati, perasaan dan segalanya harus pasrah dan mendambakan segalanya kepada Allah. Kesabaran yang hakiki adalah kesabaran yang mampu menyedarkan manusia bahawa semua yang ada di dunia milik Allah dan cepat atau lambat pasti akan kembali kepada Allah, "*orang-orang yang sabar Iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan Inna Lillaahiwainnaailaihirraaji'uun (Sesungguhnya kami milik Allah dan kepada-Nyalah kami kembali).*"

Seluruh yang ada ini milik Allah, termasuk harta, rumah, anak, isteri dan sebagainya. Semua itu diamanahkan kepada kita. Untuk selanjutnya akan diminta pertanggungjawaban di akhirat nanti. Sebagai Pemilik, Allah berhak mengambilnya bila-bila saja sekehendak-Nya. Karena itulah, kita harus mempersiapkan diri sebaik-baiknya jika datangnya waktu diri, harta, anak, isteri dan semua yang ada di sekitar kita diambil oleh Allah.

Justeru, marilah jiwa-jiwa dan hati-hati insan yang gerun kepada Allah, marilah kita bertaubat dengan sebenar taubat di atas segala yang telah kita lakukan. Pada hari ini kita mungkin selesa atau nikmat melakukan perkara yang Allah benci. Tetapi sedarlah wahai insan, hari ini mungkin kita selesa tetapi kemana lagi kita hendak lari di dunia ini, segalanya di bawah pantauan dan kepungan Ilahi. Bila-bila masa sahaja Allah ranapkan. Mari kita terus dan terus berdoa dan beristighfar agar Allah ampunkan kita dan tanamkan rasa takut untuk kita berbuat maksiat kepada Allah.

**~ Mereka itu diberi pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka, dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan, dan sebahagian dari apa yang telah Kami rezekikan kepada mereka, mereka nafkahkan ~**